

# ANALISA TERHADAP PEMERKASAAN EKONOMI DAN PERLINDUNGAN HAK SOSIAL WANITA DALAM MENANGANI ISU KEGANASAN RUMAH TANGGA SEMASA PANDEMIK COVID-19 DI MALAYSIA

## AN ANALYSIS TOWARDS WOMEN'S ECONOMIC EMPOWERMENT AND PROTECTION OF SOCIAL RIGHTS IN COMBATING DOMESTIC VIOLENCE DURING PANDEMIC COVID-19 IN MALAYSIA

Nadzrah Ahmad<sup>1</sup>  
Rahmawati Mohd Yusoff<sup>2\*</sup>  
Mohammad Hidir Baharudin<sup>3</sup>

<sup>1</sup>Associate Professor, Department of Qur'an and Sunnah, Kulliyah of Islamic Revealed Knowledge and Human Sciences, International Islamic University Malaysia, Kuala Lumpur, Malaysia, (E-mail: anadzrah@iiu.edu.my).

<sup>2</sup> Pensyarah Kanan, Jabatan Undang-undang, Universiti Teknologi Mara (UiTM), Cawangan Johor, Kampus Segamat, Malaysia, (Email: rahmawatimy@uitm.edu.my)

\* (Corresponding Author)

<sup>3</sup> Calon Pelajar Pascasiswazah, International Islamic University Malaysia, Kuala Lumpur, Malaysia, (E-mail: mohammadhidirbaharudin@gmail.com).

### Article history

**Received date** : 4-10-2022  
**Revised date** : 5-10-2022  
**Accepted date** : 4-11-2022  
**Published date** : 10-11-2022

### To cite this document:

Ahmad, N., Yusoff, R. M., & Baharudin, M. H. (2022). Analisa Terhadap Pemeraksanaan Ekonomi Dan Perlindungan Hak Sosial Wanita Dalam Menangani Isu Keganasan Rumah Tangga Semasa Pandemik Covid-19 Di Malaysia. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 7(49), 94 - 105.

**Abstrak:** Pencabulan hak wanita berkait rapat dengan penyertaan ekonomi dan kedudukan sosial wanita. Ini adalah kerana wanita yang mempunyai status kewangan dan kedudukan sosial yang rendah lebih berpotensi untuk menjadi mangsa keganasan rumah tangga berbanding dengan wanita yang mempunyai kedudukan sosial yang lebih tinggi. Justeru itu, pemeraksanaan ekonomi wanita amat penting dalam memastikan mereka mendapat layanan sosial yang sama rata. Ketidaksamaan dalam isu jantina boleh menyebabkan kepada kes keganasan pada masa hadapan. Penyertaan tenaga buruh wanita direkodkan masih rendah berbanding dengan lelaki di Malaysia. Justeru itu, kertas kerja ini bertujuan untuk mengkaji pemeraksanaan ekonomi wanita di Malaysia dan pemeliharaan hak sosial mereka dalam menghadapi isu keganasan rumah tangga semasa pandemik Covid-19. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji rangka kerja sedia ada bagi pemeraksanaan ekonomi wanita dan perlindungan hak sosial mereka terhadap keganasan rumah tangga, cabaran dalam melaksanakannya, serta bagi mencadangkan rangka kerja bagi isu ini sebagai sebahagian daripada pembangunan inklusif kerajaan Malaysia. Kajian ini menggunakan analisis kualitatif dan deskriptif dengan mengkaji statut, akta, undang-undang, rujukan ilmiah, dan data yang dikumpul daripada pihak berkuasa yang berkaitan. Kajian ini mendapati bahawa isu penindasan terhadap hak wanita tidak ditangani dengan sebaiknya di Malaysia disebabkan oleh penyertaan wanita dalam

*ekonomi yang masih rendah dan pengabaian hak yang tidak dititikberatkan. Walaupun isu keganasan rumah tangga dikategorikan sebagai jenayah kemanusiaan di peringkat antarabangsa, wanita di Malaysia masih terdedah kepada pelbagai bentuk keganasan yang dilakukan oleh pasangan mereka terutamanya semasa pandemik Covid-19. Dapatan dariada kajian ini diharapkan dapat menjadi garis panduan kepada kerajaan dalam menangani isu kesaksamaan gender dan keganasan khususnya terhadap wanita.*

**Kata Kunci:** *Pemeriksaan Wanita, Penglibatan Ekonomi, Hak Sosial, Keganasan Rumah Tangga, Malaysia, Pandemik Covid-19.*

**Abstract:** *Violations of women's rights closely related to economic participation and social standing of women. Compared to their peers with higher social positions, women with poor financial and social status are more likely to be victims of domestic violence and abuse. As a result, women's economic empowerment became critical to ensuring equal social treatment. Inequality in gender treatment can lead to abuse, harassment, and violence in the future. It is recorded that female labor force participation in Malaysia is low compared to male labor force participation. Hence, this paper aims to examine the economic empowerment of women in Malaysia and the preservation of their social rights in the face of domestic violence during Covid-19. This study aims to examine the current framework for women's economic empowerment and the protection of their social rights against domestic violence, as well as the challenges of implementing it, and to propose a framework for this issue as part of Malaysian government inclusive development. The analysis is based on a qualitative and descriptive cross-sectional analysis of the governing statutes, reported cases, and data gathered from the respective administrative authorities. The research found that prejudice and oppression against women are not sufficiently addressed in Malaysia due to low economic participation and insufficient observance of social rights. Women in Malaysia are still susceptible to various forms of violence perpetrated by their spouses especially during pandemic Covid-19, despite international concern about violence as a crime against humanity. The findings of this study are expected to serve as a guide for the government in addressing national concerns about gender equality and gender-based violence, particularly against women.*

**Keywords:** *Women Empowerment, Economy Involvement, Social Rights, Domestic Violence, Malaysia, Pandemic Covid-19.*

---

## **Pendahuluan**

Berdasarkan data daripada Penjejak Tindak Balas Gender Global COVID-19 (COVID-19 Global Gender Response Tracker) yang dihasilkan oleh Entiti Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu untuk Kesaksamaan Gender dan Pemerdayaan Wanita (United Nations Entity for Gender Equality and the Empowerment of Women) dan Program Pembangunan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (United Nations Development Programme), kebanyakan negara di seluruh dunia progresif dalam melindungi wanita daripada terkesan dengan kesan ekonomi dan sosial akibat daripada pandemik Covid-19 (UN Women, 2020). Data menunjukkan bahawa sebahagian besar sistem keselamatan sosial dilihat mengabaikan hak keperluan wanita dengan meletakkan wanita sebagai pekerja dalam pekerjaan berbahaya, isu kadar pengangguran wanita yang meningkat lebih cepat daripada lelaki, dan isu mangsa keganasan rumah tangga (United Nations - Malaysia, Singapore, and Brunei Darussalam, 2021). Wanita yang mempunyai status ekonomi dan sosial yang lemah lebih terdedah untuk menjadi mangsa keganasan rumah tangga, jika dibandingkan dengan wanita yang mempunyai kedudukan sosial yang lebih tinggi (M.

Abdul Ghani, N.A. Ahmad and A. Mohamad, 2016). Lantaran itu, pemeraksanaan ekonomi wanita menjadi elemen yang sangat penting dalam memastikan seseorang wanita itu mendapat layanan sosial yang sama rata. Oleh itu, objektif kajian ini adalah:

1. Untuk mengkaji rangka kerja semasa bagi pemeraksanaan ekonomi wanita dan perlindungan hak sosial mereka terhadap keganasan rumah tangga di Malaysia.
2. Untuk memberikan cadangan bagi pemeraksanaan ekonomi wanita dan perlindungan hak sosial mereka terhadap keganasan rumah tangga di Malaysia.

### **Metodologi Kajian**

Kajian ini akan menggunakan kaedah kajian kualitatif dengan mengkaji literatur berkaitan isu pemeraksanaan ekonomi wanita dan perlindungan hak sosial mereka terhadap keganasan rumah tangga di Malaysia yang memerlukan kajian perpustakaan meliputi semua bahan primer dan sekunder yang berkaitan dengan tajuk. Teks perundangan, termasuk statut dan peraturan juga akan digunakan sebagai sumber rujukan utama bagi sistem perundangan di Malaysia. Daripada perspektif perundangan Islam, isu ini dikaji dari sudut Al-Quran dan As-Sunnah sebagai sumber utama perundangan Islam. Selain itu, sumber undang-undang sekunder pula terdiri daripada laporan jawatankuasa undang-undang, jurnal undang-undang, prosiding persidangan, seminar, kertas kerja, dan buku teks. Data juga dikumpulkan daripada sumber bukan akademik seperti artikel akhbar dan laman web. Penemuan daripada analisis data primer dan sekunder akan dimasukkan ke dalam dapatan kajian ini terhadap cadangan bagi pemeraksanaan ekonomi wanita dan perlindungan hak sosial mereka terhadap keganasan rumah tangga di Malaysia.

### **Pemeraksanaan Ekonomi Wanita di Malaysia**

Jabatan Perangkaan Malaysia (2021) telah mengeluarkan Statistik Pemeraksanaan Wanita dalam Kategori-kategori Terpilih di Malaysia pada tahun 2021 yang memfokuskan kepada teras penunjuk jantina. Berpandukan data ini, Indeks Jurang Gender Malaysia (MGGI) telah membandingkan lelaki dan wanita dalam sub kategori penyertaan dan peluang ekonomi (skor 0.718), di mana nisbah penyertaan tenaga buruh wanita kekal rendah pada 55.3% pada 2020, berbanding dengan 80.3% bagi lelaki. Ini menunjukkan bahawa wanita mempunyai pendapatan yang kurang daripada lelaki, dan wanita hanya menyumbang 24% kepada jawatan pengurusan kanan. Berbanding dengan negara di Asia Tenggara seperti Singapura (69.7%) dan Thailand (65.8%), Malaysia berada di kedudukan yang ke-104 daripada 149 negara dalam laporan Jurang Gender Global WEF pada 2020, menurun empat tangga daripada kedudukannya pada tahun 2018 (United Nations - Malaysia, Singapore and Brunei Darussalam, 2021).

Kerajaan Malaysia menekankan kepentingan dalam mewujudkan peluang ekonomi untuk wanita yang dapat dilihat dalam Rancangan Malaysia Ke-10 dan Ke-11 dan Kajian Separuh Penggal RMK-11 (World Bank Group, 2019). Dalam Rancangan Malaysia Ke-12, hasrat Malaysia untuk mempunyai nilai ekonomi yang lebih inklusif dan mudah diakses merupakan intipati yang kerap ditekankan oleh pihak Kerajaan. Justeru itu, Malaysia perlu melabur dalam aktiviti wanita dan mengangkat mereka dalam semua aspek kehidupan bagi mencapai tahap negara maju (Simone Galimberti, 2021). Rentetan daripada itu, matlamat pembangunan yang utama bagi Malaysia adalah meningkatkan bilangan wanita yang boleh bekerja dalam pekerjaan produktif.

Selain itu, laporan "Breaking Barriers - Toward Better Economic Opportunities for Women in Malaysia" telah meneliti halangan dan cabaran dalam meningkatkan peluang ekonomi wanita, membuat cadangan dasar, dan menjadi rujukan bagi sesebuah rancangan komprehensif yang ingin dilaksanakan. Laporan tersebut merumuskan bahawa, secara puratanya, ramai wanita

Malaysia mempunyai lebih berpendidikan berbanding lelaki. Namun, urusan rumah tangga menjadi halangan utama kepada wanita daripada menceburi alam pekerjaan. Oleh itu, bagi merealisasikan potensi maksimum yang dimiliki oleh wanita, pembuat dasar di peringkat Kerajaan mestilah dapat menjamin bahawa wanita juga mempunyai akses yang sama rata kepada peluang ekonomi di sesebuah negara itu (World Bank Group, 2019).

Di samping itu, penglibatan wanita dalam sektor tidak formal juga telah meningkat dan mengatasi bilangan lelaki, telah menjejaskan produktiviti dan keselamatan sosial mereka. Pada kebiasaannya gaji wanita jauh lebih rendah berbanding dengan lelaki dalam hampir setiap kategori pekerjaan yang mereka ceburi.

Malaysia juga telah mengaktifkan Penggerak Prinsip Pemerksaan Wanita (Women's Empowerment Principles Activator), yang menyediakan rangka kerja menyeluruh dilengkapi dengan instrumen-instrumen bagi perniagaan yang lebih tertumpu kepada wanita, yang mana pihak Kerajaan harus menyokong mereka di peringkat domestik dan serantau (Simone Galimberti, 2021). Projek bagi Program Pembangunan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (United Nations Development Program) juga telah dijalankan di Malaysia yang dapat membantu usahawan wanita berpendapatan rendah di negeri Terengganu dan Kelantan untuk mengembangkan perniagaan mereka yang berasaskan makanan (Liyanga de Silva, n.d).

Menurut Amdadullah Baloch Lasbela et al. (2018), jurang pendapatan merupakan isu yang tidak berkesudahan bagi wanita bekerja di negara maju dan membangun walaupun pertumbuhan makroekonomi berterusan di negara tersebut. Disebabkan oleh transformasi sosio-ekonomi di peringkat global, wanita boleh memegang pelbagai jawatan dalam agensi awam dan swasta. Namun begitu, kajian lepas melaporkan bahawa, disebabkan suasana yang didominasi oleh kaum lelaki, wanita tidak dilayan secara adil terutamanya dalam mengisi beberapa jawatan pengurusan tinggi (Kalthum Hassan & Rohana Yusof, 2015). Menurut Zaiton Othman dan Nooraini Othman (2015), walaupun wanita menunjukkan prestasi yang baik, wanita kurang diwakili di semua peringkat pengurusan kerana diskriminasi dalam kenaikan pangkat yang lebih tinggi. Selepas diterima bekerja, wanita melihat prospek kemajuan yang dinikmati oleh mereka tidak sama rata. Wanita mesti bekerja lebih lama untuk mewujudkan kredibiliti masing-masing semata-mata untuk mencapai tahap dan bayaran yang sama seperti lelaki. Justeru itu, Priscilla Shasha Devi, CJ Jacobs et al. (2017) menggesa agar Malaysia bergerak maju ke hadapan dan progresif dalam mengatasi isu diskriminasi jantina dalam penglibatan ekonomi untuk meningkatkan hak wanita di tempat kerja.

Namun, Alexandra Bernasek dan Julie Hasen Gallaway (1997) berkata bahawa pengenalan dasar semata-mata tidak dapat menjamin keberkesanan dalam pelaksanaannya. Mungkin hanya sesetengah wanita sahaja yang mendapat manfaat manakala yang lain tidak mendapat manfaat yang ditawarkan bergantung sejauh mana keberkesanan dan efektif sesebuah dasar tersebut. Priscilla Shasha Devi, CJ Jacobs et al. (2017) bersetuju dan menekankan bahawa wanita adalah penyumbang penting dalam sektor ekonomi negara, justeru itu, Kerajaan harus mengiktiraf wanita yang bekerja. Dasar perundangan yang melindungi hak wanita bekerja perlu diluluskan yang mana pihak Kerajaan perlu mengikut dasar dalam Konvensyen Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Terhadap Wanita (Convention on the Elimination of all Forms of Discrimination against Women - CEDAW) berhubung perkara ini.

Natijahnya, dalam usaha memperkasa ekonomi wanita, segala bentuk halangan yang menghalang kepada penghasilan kualiti kerja yang lebih produktif bagi wanita, terutamanya dalam pendidikan serta penyertaan dalam tenaga buruh dan pekerjaan perlu dihapuskan. Isu yang paling penting yang perlu dititikberatkan ialah perbezaan jantina memberikan impak yang besar dalam isu akses kepada pekerjaan yang bergaji tinggi dengan faedah, perlindungan sosial serta prospek kerjaya. Dalam isu ini, Malaysia masih mempunyai ruang untuk mengemaskan lagi undang-undang serta menguatkuasakan peraturan sedia ada dengan lebih cekap efektif (World Bank Group, 2019). Hal ini adalah kerana, ada laporan yang menyebut bahawa wanita yang mempunyai status kewangan dan sosial yang rendah lebih cenderung dan terdada untuk menjadi mangsa keganasan rumah tangga (M. Abdul Ghani, N.A. Ahmad and A. Mohamad, 2016). Malahan, status sosio-ekonomi juga telah dikategorikan sebagai faktor risiko berlaku dan meningkatnya kes keganasan rumah tangga (Kyriacou et al, 1999). Oleh yang demikian, kajian terhadap status sosioekonomi sebagai faktor risiko keganasan rumah tangga adalah amat penting untuk mewujudkan sumber dan intervensi yang berkesan untuk menangani isu tersebut (Lubker, 2004).

### **Perlindungan Hak Sosial Wanita dalam Isu Keganasan Rumah Tangga**

Melalui undang-undang dan amalan yang dipraktikkan, Malaysia telah mencapai kemajuan besar dalam melindungi mangsa keganasan rumah tangga. Malaysia dikategorikan dalam golongan negara yang telah memenuhi tugasnya di bawah Konvensyen CEDAW. Ini berikutan Perlembagaan Persekutuan telah menetapkan bahawa jantina adalah salah satu kategori diskriminasi yang dilarang di bawah Perkara 8(2), Perlembagaan Persekutuan, Malaysia.

Kerajaan Malaysia telah mengeluarkan laporan bahawa bilangan aduan keganasan rumah tangga yang didaftarkan telah meningkat sebanyak 42% pada tahun 2021. Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Rina Mohd Harun, berkata sebanyak 7,468 kes keganasan rumah tangga direkodkan pada tahun 2021 berbanding 5,260 pada 2020. Sebanyak 3,028 panggilan membabitkan kes keganasan rumah tangga diterima melalui Talian Kasih 15999 bagi tempoh Januari hingga Disember 2021, yang mana sebanyak 974 panggilan dikategorikan sebagai aduan (Mohd Nasaruddin Parzi, 2022).

Keganasan rumah tangga merupakan satu jenayah. Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 (Akta 521) memberikan gambaran yang kukuh bahawa Kerajaan berhasrat untuk menangani isu ini secara menyeluruh dan membantu mangsa keganasan rumah tangga (Manuela Columbini et al., 2011).

Menurut Seksyen 2, “keganasan rumah tangga” ertinya perlakuan satu perbuatan atau lebih yang berikut:

- a) secara bersengaja atau dengan disedarinya meletakkan, atau cuba meletakkan, mangsa itu dalam keadaan ketakutan kecederaan fizikal;
- b) menyebabkan kecederaan fizikal kepada mangsa itu dengan sesuatu perbuatan yang diketahui atau yang sepatutnya diketahui akan mengakibatkan kecederaan fizikal;
- c) memaksa mangsa itu dengan paksaan atau ancaman untuk melakukan apa-apa kelakuan atau perbuatan, berbentuk seksual ataupun selainnya, yang mangsa itu berhak tidak melakukan;
- d) mengurung atau menahan mangsa tanpa kerelaan mangsa itu;
- e) melakukan khianat atau kemusnahan atau kerosakan kepada harta dengan niat untuk menyebabkan atau dengan disadari bahawa ia berkemungkinan menyebabkan kesedihan atau kekusaran kepada mangsa itu;

- f) menyebabkan penderaan psikologi yang termasuklah kecederaan emosi kepada mangsa;
- g) menyebabkan mangsa mengalami delusi dengan menggunakan apa-apa bahan yang memabukkan atau apa-apa bahan lain tanpa kerelaan mangsa atau jika kerelaan diberikan, kerelaan itu diperoleh dengan cara yang menyalahi undang-undang; atau
- h) dalam hal jika mangsa adalah seorang kanak-kanak, menyebabkan mangsa mengalami delusi dengan menggunakan apa-apa bahan yang memabukkan atau apa-apa bahan lain,

oleh seseorang, sama ada dengan sendiri atau melalui pihak ketiga, terhadap—

- i. isteri atau suaminya;
- ii. bekas isteri atau suaminya;
- iii. kanak-kanak;
- iv. orang dewasa tidak berkeupayaan; atau
- v. mana-mana anggota lain keluarga.

Kesalahan berkaitan dengan keganasan rumah tangga dikategorikan sebagai jenayah sebagaimana Seksyen 3 menyebut akta ini hendaklah dibaca bersama dengan Kanun Keseksaan [Akta 574] atau mana-mana undang-undang bertulis lain yang melibatkan kesalahan yang berhubungan dengan keganasan rumah tangga. Tambahan itu, pada tahun 2017, terdapat pindaan pada Akta tersebut yang telah memasukkan beberapa perlakuan dalam dalam takrif “keganasan rumah tangga” iaitu:

- a) dengan curang menggelapkan harta mangsa yang menyebabkan mangsa itu mengalami kesedihan kerana kerugian kewangan;
- b) mengugut mangsa dengan niat untuk menyebabkan mangsa itu takut akan keselamatan dirinya atau keselamatan hartanya, takut akan keselamatan pihak ketiga, atau mengalami kesedihan;
- c) berhubung dengan mangsa, atau berhubung dengan pihak ketiga tentang mangsa, dengan niat untuk mengaibkan kehormatan mangsa itu melalui napa-apa cara, elektronik atau selainnya;

Melalui pindaan terbaru bagi Seksyen 326A Kanun Keseksaan pula, undang-undang memperuntukkan sesiapa yang menyebabkan kecederaan kepada pasangan atau bekasnya pasangan, anak, orang dewasa yang tidak berupaya atau ahli lain keluarga dan melakukan kesalahan di bawah seksyen 323, 324, 325, 326, 334 atau 335 Kanun Keseksaan, tertuduh boleh dipenjarakan dua kali ganda tempoh maksimum yang dikenakan di bawah seksyen yang disabitkan terhadapnya.

Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 (Akta 521) ini juga menyediakan perintah perlindungan kepada mangsa antaranya Perintah Perlindungan Kecemasan (Emergency Protection Orders - EPO), Perintah Perlindungan Interim (Interim Protection Orders - IPO), dan Perintah Perlindungan (Protection Orders - PO), serta pampasan dan kaunseling kepada wanita yang menjadi mangsa keganasan rumah tangga (Farah Nini Dusuki, 2017). Melalui Seksyen 3A, Jabatan kebajikan masyarakat (JKM) mempunyai kuasa mengeluarkan Perintah Perlindungan Kecemasan (EPO), yang boleh diperoleh dengan cepat dan termasuk dalam perintah tersebut ialah:

- a) menghalang pelaku melakukan keganasan rumah tangga ke atas mangsa;
- b) melarang pelaku menghasut orang lain untuk melakukan keganasan terhadap mangsa;
- c) melarang pelaku dari memasuki tempat selamat, tempat berlindung, tempat kediaman, kediaman bersama atau kediaman alternatif mangsa.

Manakala, Perintah Perlindungan Interim di bawah Seksyen 4 pula merupakan perintah yang diberikan oleh Mahkamah kepada mangsa sementara menunggu siasatan polis. Perintah Perlindungan di bawah Seksyen 5 pula diberikan sekiranya mangsa masih memerlukan perlindungan yang dikeluarkan apabila tindakan guaman telah diambil di bawah Kanun Keseksaan di mana tertuduh dituduh melakukan kesalahan. Melalui Seksyen 6, perintah sampingan juga boleh diberikan yang meliputi:

1. memberi mangsa hak menghuni eksklusif di kediaman bersama dan mengarahkan tertuduh meninggalkan rumah tersebut;
2. menghalang tertuduh daripada menghubungi mangsa;
3. mengarahkan tertuduh menyerahkan kenderaan yang selama ini digunakan oleh mangsa.

Selain itu, hak wanita juga termaktub dalam Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1984, antaranya hak terhadap mas kahwin (Seksyen 57), hak untuk mendapat layanan yang baik daripada suami (Seksyen 127), hak untuk mendapat layanan yang adil dalam kes poligami (Seksyen 23(4)), hak untuk memohon perceraian (Seksyen 49 dan 52), dan hak untuk mendapat nafkah (Seksyen 59).

Rancangan Malaysia ke-6 (1991–1995) dan Rancangan Malaysia ke-7 (1996-2000), yang memberi tumpuan kepada pengukuhan status wanita dalam masyarakat, telah memasukkan isu wanita seperti keganasan rumah tangga sebagai keutamaan. Rancangan Malaysia ke-8 (2001-2005), yang menegaskan hak wanita telah menyusun semula tanggungjawab wanita dalam rumah tangga dan aktiviti-aktiviti yang reproduktif. Selain itu, Rancangan ini juga menitikberatkan masalah seperti meningkatkan penglibatan wanita dalam sektor ekonomi melalui pekerjaan dan latihan serta mengambil kira halangan yang dihadapi dalam undang-undang keluarga. Keganasan terhadap wanita yang rendah kedudukannya dipercayai berlaku dalam bentuk gangguan seksual kerana tiada peraturan tertentu yang mentakrifkan kesalahan gangguan seksual tersebut.

Malaysia juga telah meratifikasi CEDAW (Konvensyen Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Terhadap Wanita) pada tahun 1995. Pada tahun 1976, Majlis Penasihat Kebangsaan bagi Integrasi Wanita dalam Pembangunan (National Advisory Council for the Integration of Women in Development - NACIWID) serta Sekretariat Hal Ehwal Wanita (HAWA) pada tahun 1983 telah dibentuk untuk memasukkan wanita sebagai isu utama mereka (Bahare Fallahi et al., 2015).

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah ditubuhkan pada tahun 2001 untuk meningkatkan status wanita dalam masyarakat. Terdapat empat organisasi di dalam kementerian ini termasuk Jabatan Kemajuan Wanita (JPW), Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia (JKMM), Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN), dan Institut Sosial Malaysia (ISIM). Selain itu, Kementerian Sumber Manusia telah melancarkan kod amalan sukarela untuk mencegah gangguan seksual di tempat kerja. Kempen anti-gangguan seksual telah bermula sebagai strategi Malaysia untuk mengurangkan keganasan terhadap wanita (Bahare Fallahi et al., 2015). Selain itu, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah mengeluarkan Garis Panduan Pengendalian Kes Keganasan Rumah Tangga pada 2015, yang mengandungi peranan dan tanggungjawab sembilan entiti kerajaan yang bertanggungjawab dalam menangani kes keganasan rumah tangga di Malaysia. Selain itu, Pertubuhan Bantuan Wanita (Women's Aid Organisations - WAO) bertujuan untuk mencegah keganasan terhadap wanita di Malaysia dan menggalakkan kesaksamaan gender.

WAO telah mengendalikan pusat perlindungan keganasan rumah tangga pertama di Malaysia sejak daripada tahun 1982 lagi, khidmat kaunseling, dan penjagaan krisis kepada wanita dan kanak-kanak yang menjadi mangsa. WAO kini diiktiraf sebagai penyedia perkhidmatan terbesar Malaysia bagi mangsa keganasan rumah tangga. WAO bertujuan untuk mencegah keganasan terhadap wanita di Malaysia dan menggalakkan kesaksamaan gender. Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) turut memainkan peranan dengan mengeluarkan Perintah Perlindungan Kecemasan (EPO) kepada mangsa.

Di samping itu, Malaysia juga telah melaksanakan beberapa tindakan khusus untuk memerangi keganasan terhadap wanita, antaranya:

- i. Pada tahun 1996, semua hospital dikehendaki menubuhkan Pusat Krisis Sehati (One-Stop Crises Centers - OSCC) untuk membantu mangsa-mangsa keganasan rumah tangga. Matlamat penubuhan OSCC adalah untuk memberikan sokongan kepada mangsa bagimenerima terapi di satu lokasi. Kemudahan itu termasuk penyiasatan, penjagaan, perubatan, dengan keutamaan diberikan kepada doktor wanita.
- ii. Mewujudkan “Talian Nur 15999”, talian hotline beroperasi 24 jam sehari khusus untuk membantu mangsa keganasan melalui campur tangan awal daripada pihak berwajib.
- iii. Jabatan Agama Islam menyediakan tempat perlindungan sementara bagi mangsa keganasan rumah tangga yang beragama Islam. Jabatan Kebajikan Masyarakat juga menyediakan rumah selamat bagi mangsa-mangsa ini.
- iv. Talian hotline Jabatan Kebajikan Masyarakat 1-800-883040 juga dibuka bagi membolehkan orang ramai menghubungi mereka jika mereka melihat sebarang keganasan rumah tangga dan melaporkan kepada pegawai penguat kuasa (Bahare Fallahi et al., 2015).

### **Pemeriksaan Ekonomi dan Perlindungan Hak Sosial Wanita dalam Menangani Isu Keganasan Rumah Tangga Berpandukan Perundangan Islam**

Tidak dinafikan bahawa wanita mempunyai banyak tanggungjawab terhadap keluarga dan masyarakat di sekeliling mereka. Dalam perundangan Islam, tidak ada perbezaan antara lelaki dan wanita dalam soal pekerjaan, yang mana kedua-duanya wajib bekerja. Sebaliknya, perintah “*dan tinggal di rumah kamu..*” dalam ayat 33, Surah Al-Ahzab adalah ketetapan yang hanya dikenakan kepada isteri-isteri Nabi SAW, bukan kepada wanita lain.

Wanita dalam Islam mempunyai kebebasan dan hak untuk memilih pekerjaan mereka. Namun, wanita mempunyai beberapa kekangan kerana rupa fizikal mereka. Selain itu, seorang wanita yang sudah berkahwin tidak boleh memilih kerjaya yang akan menafikan hak suaminya atau anak-anaknya daripada mendapat kasih sayang seorang ibu, hak penjagaan, hak taat kepada suami, hak pendidikan dan sebagainya.

Pada zaman Nabi SAW, wanita keluar pergi ke pasar atau ladang mereka. Wanita juga tidak dilarang keluar rumah atas sebab perubatan. Dalam keadaan darurat, Rasulullah SAW tidak menghalang seorang wanita untuk meninggalkan rumahnya walaupun beliau masih dalam iddahnyanya. Menurut Jabir ibn Abdullah, beliau berkata bahawa suami ibu saudara saya menceraikannya, dan semasa dia menghabiskan iddahnyanya di rumah, dia ingin pergi ke luar untuk menuai dan menjual beberapa pokok kurmanya. Seseorang menghalangnya dan memberitahunya bahawa dia tidak diizinkan keluar dari rumah semasa dalam tempoh iddah. Dia kemudian bertanya kepada Nabi (saw) tentang keizinannya untuk keluar dari rumah, lalu Nabi (saw) menjawab yang bermaksud, “*Keluar dan ambillah pokok-pokok kurma yang dituai (dan dijual) supaya kamu dapat melakukan pekerjaan baik yang lain*” (Abu Dawud).



## Hasil Kajian dan Perbincangan

Malaysia perlu melihat kepada amalan yang dipraktikkan di negara-negara luar dalam usaha untuk memperkasakan ekonomi wanita di Malaysia. Sebagai contohnya, usahawan wanita dan peniaga di negara seperti Togo, Georgia dan Maghribi mendapat pemindahan tunai atau subsidi daripada pihak Kerajaan untuk membantu mereka dalam mencapai matlamat bagi pemerksaan ekonomi.

Malaysia telah mencapai kemajuan yang ketara dalam pembangunan sosio-ekonomi, dan dapat dilihat kaum wanita telah mencapai kejayaan yang besar dalam banyak bidang. Oleh itu, Kerajaan disarankan untuk menggalakkan wanita bagi mengambil bahagian secara aktif dalam kepimpinan ekonomi serta jawatan pmbuat keputusan (The World Bank, 2020). Untuk menggalakkan akses yang adil dan saksama dalam penglibatan sektor pekerjaan yang produktif, Malaysia harus menyediakan alternatif perundangan yang dapat meningkatkan peluang ekonomi untuk wanita. Ini termasuk memperluaskan ketersediaan, kualiti dan caj yang mampu dibayar bagi sektor penjagaan kanak-kanak dan warga emas untuk membantu lebih ramai wanita kekal dalam tenaga kerja dan bekerja dengan lebih produktif. Selain itu, norma dan isu berlainan jantina di sekolah dan masyarakat juga harus ditangani (World Bank Group, 2019). Rentetan daripada pengumuman Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada Mac 2020, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) telah mengisytiharkan bahawa semua perkhidmatan yang disediakan oleh Talian Kasih akan ditamatkan. Namun setelah menerima pelbagai kritikan termasuk daripada pegawai kerajaan yang lain, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat kemudiannya mengumumkan bahawa perkhidmatan talian hotline akan kekal beroperasi. Namun, oleh kerana rumah perlindungan mangsa keganasan rumah tangga tidak termasuk dalam kategori penyedia perkhidmatan penting, tidak jelas sama ada tempat perlindungan ini masih beroperasi sepanjang fasa awal Perintah Kawalan Pergerakan. Tetapi, pada 8 Jun 2020, bekas Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin telah mengarahkan beberapa pusat perlindungan bukan kerajaan supaya kekal dibuka atau beroperasi pada kapasiti yang terhad sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan.

Sebahagian laporan juga melaporkan bahawa Perintah Perlindungan Kecemasan (EPO) dan Perintah Perlindungan Interim (IPO) masih tersedia. Bagaimanapun, dalam beberapa kes, mangsa mendakwa bahawa apabila mereka ingin membuat laporan di balai polis, mereka dinasihatkan untuk pulang semula ke rumah. Pada kebiasaannya, mereka akan mendapat surat rujukan bagi mendapatkan Perintah Perlindungan Interim selepas mereka memfailkan laporan polis. Namun, disebabkan aktiviti mahkamah yang terhad, tidak jelas bagaimana mangsa mendapat IPO tersebut. Mangsa mendakwa mereka mendapat maklumat yang berbeza-beza, yang mana ada antara mereka diarahkan untuk menunggu sehingga mereka menerima tarikh untuk hadir ke mahkamah, manakala ada yang memaklumkan mereka perlu membuat temujanji sendiri dengan pihak mahkamah. Justeru itu, Pertubuhan Bantuan Wanita (WAO) pada ketika itu meminta kerajaan agar memaklumkan kepada mangsa supaya mendapatkan Perintah Perlindungan Kecemasan (EPO) yang dikeluarkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat sahaja (WAO, 2020).

Di samping itu, isu di Malaysia ialah isu data yang tidak mencukupi berkaitan dengan kes keganasan rumah tangga kerana kes yang dilaporkan kepada pihak berkuasa tidak mewakili keseluruhan jumlah kes (Palermo, Bleck, Peterman, 2014). Oleh itu, usaha untuk membangunkan strategi pengumpulan data yang sesuai dan berkesan adalah penting bagi memantau dan menilai intervensi dan usaha bagi pencegahan keganasan rumah tangga. Oleh

itu, Pertubuhan Bantuan Wanita (2020) menyokong agar memasukkan isu keganasan rumah tangga dalam kitaran Tinjauan Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan (National Health and Morbidity Survey NHMS) pada waktu semasa dan akan datang. Ini adalah kerana pengumpulan data melalui NHMS bukan sahaja akan membantu untuk menjelaskan skala masalah yang dihadapi tetapi juga membolehkan analisis bagi mengenal pasti trend semasa yang dapat menambah baik dasar dan program negara dalam usaha mencegah isu keganasan rumah tangga. Bagi menamatkan isu keganasan rumah tangga terhadap wanita, kita memerlukan masyarakat yang menghargai dan menghormati hak dan maruah wanita. Masyarakat perlu didedahkan terhadap kepentingan hak wanita, terutamanya daripada segi layanan sosial yang sepatutnya diterima oleh wanita. Di samping itu, Kerajaan haruslah mewujudkan dasar yang melarang keganasan rumah tangga, dengan lebih menumpukan kepada penyediaan kemudahan dan perkhidmatan seperti rumah perlindungan untuk mangsa. Kerajaan juga harus menyokong NGO dan mengiktiraf kepentingan mereka dalam mengatasi isu keganasan rumah tangga terhadap wanita (Bahare Fallahi et al., 2015). Stigma bahawa jenayah keganasan rumah tangga dianggap sebagai urusan peribadi yang harus dirahsiakan menyebabkan ramai mangsa yang malu atau takut untuk tampil membuat laporan polis. Oleh itu, ketidakberkesanan sistem perundangan semasa dalam menangani jenayah dan stigma ini memerlukan perhatian khusus daripada pihak berwajib. Nazli Mahdzir (2016) menyebut bahawa sudah tiba masanya untuk Kerajaan Malaysia mahkamah khas untuk mempercepatkan penyelesaian kes keganasan rumah tangga. Terdapat juga beberapa cadangan lain, antaranya:

- i. Pendekatan respons mangsa yang berpusat perlulah mendapat kepercayaan daripada semua pihak.
- ii. Kerajaan harus meneliti protokol pengumpulan data semasa dan memfokuskan kepada pengumpulan data pada masalah keganasan rumah tangga, termasuk data yang diasingkan mengikut umur, jantina dan hubungan pelaku dan mangsa, untuk lebih memahami isu keganasan rumah tangga ini.
- iii. Dengan menggunakan platform pembelajaran yang seragam, semua penyedia perkhidmatan negeri dan pihak berkuasa kehakiman barisan hadapan perlu menerima latihan intensif mengenai Garis Panduan yang dikeluarkan oleh pihak Kementerian.
- iv. Untuk mengelakkan mangsa daripada dcederakan lagi, undang-undang perlu diubah untuk memanjangkan tempoh PO. PO hendaklah sah sehingga dapat dibuktikan bahawa mangsa tidak lagi berada dalam bahaya.
- v. Rumah perlindungan perlu disuntik dengan lebih banyak dana daripada berbagai sumber untuk penambahbaikan.
- vi. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat berada pada kedudukan yang baik untuk melancarkan kempen kesedaran awam yang komprehensif dan berfokus yang merangkumi maklumat mengenai hak wanita dan tempat untuk mendapatkan perkhidmatan sokongan.
- vii. Kaedah asas untuk menangani mangsa yang trauma perlu diajar kepada semua pegawai polis.
- viii. Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 (Akta 521), Garis Panduan, dan undang-undang serta prosedur lain yang terpakai dan cara berkomunikasi yang betul dengan mangsa perlulah didalami oleh setiap polis di barisan hadapan (Natasha Dandavati, 2017).

## Kesimpulan

Kajian ini berpendapat bahawa diskriminasi dan penindasan terhadap wanita tidak ditangani dengan secukupnya di Malaysia, khususnya berkaitan dengan penyertaan ekonomi dan layanan social yang diterima oleh wanita. Ini terbukti dengan laporan yang menunjukkan kes keganasan rumah tangga meningkat semasa pandemik Covid-19. Kajian terdahulu menyebut status socio-ekonomi wanita yang rendah merupakan faktor yang menyebabkan wanita menjadi mangsa kepada keganasan rumah tangga. Keganasan terhadap wanita merupakan penghalang penting kepada pertumbuhan tamadun dunia. Dasar Kerajaan Malaysia berusaha untuk mengurangkan masalah ini dengan memajukan status dan hak wanita. Justeru itu, Kerajaan haruslah melaksanakan dasar yang boleh mengekang keganasan rumah tangga dan menekankan kepada penyediaan kemudahan dan perkhidmatan untuk mangsa. Kerajaan juga perlu menitikberatkan isu pemerkasaan wanita dalam sektor ekonomi di Malaysia bagi meningkatkan taraf hidup wanita yang sekaligus dapat mengurangkan bilangan wanita yang terdedah menjadi mangsa keganasan rumah tangga di Malaysia.

## Penghargaan

Penyelidikan ini ditaja oleh Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia bagi Skim Fundamental Research Grant (FRGS19-192-0801) & (FRGS/1/2019/SS06/UIAM/02/3) yang bertajuk A Framework of Women Empowerment and Inclusive Development to Enhance Economic Involvement and Social Rights Towards Preventing Domestic Violence.

## Rujukan

- Alexandra Bernasek & Julie Hasen Gallaway. (1997). Who Gets Maternity Leave?: The Case of Malaysia. *Western Economic Association International*, vol. XV: 101-102.
- Amdadullah Baloch Lasbela. (2018). The Effect of the Gender Equality on Income Inequality: A Dynamic Panel Approach. *Jurnal Ekonomi Malaysia* 52(2).
- Bahare Fallahi et al. (2015). The National Policy of Malaysia toward Violence against Women. *Public Policy and Administration Research*, Vol.5, No.3.
- Department of Statistics Malaysia. (2021). Statistics on Women Empowerment in Selected Domains, 2021. Retrieved from [https://www.dosm.gov.my/v1/index.php?r=column/cthemByCat&cat=444&bul\\_id=eHMrCHQ4V1Irc0lRN0ZwM09TWDJvQT09&menu\\_id=L0pheU43NWJwRWVSkIwDzQ4TlhUUT09#:~:text=Department%20of%20Statistics%20Malaysia%20\(DOSM,71.4%20per%20cent%20in%202020.](https://www.dosm.gov.my/v1/index.php?r=column/cthemByCat&cat=444&bul_id=eHMrCHQ4V1Irc0lRN0ZwM09TWDJvQT09&menu_id=L0pheU43NWJwRWVSkIwDzQ4TlhUUT09#:~:text=Department%20of%20Statistics%20Malaysia%20(DOSM,71.4%20per%20cent%20in%202020.)
- Farah Nini Dusuki. (2017). A Legal Overview on the Protection of Women Against Violence in Malaysia. In Abdul Monir Yaacob & Nurul'uyum Haji Zainal (Eds.). *Women and Development in the 21<sup>st</sup> Century: The Way Forward*. Selangor: Universiti Islam Malaysia, p. 41-61.
- Kalthum Hassan & Rohana Yusof. (2015). Women in Economic and Social Transformation era: Issues and Challenges. n.p.: UUM Press.
- Kyriacou, D., et al. (1999). Risk Factors for Injury to Women from Domestic Violence. *New England Journal of Medicine* 341(25), 1892-1898.
- Liyanga de Silva. (n.d). Understanding the Issues with Girls Education in Malaysia. The Borgen Project.
- Lubker, Disa K. V. (2004). Socioeconomic Status and Domestic Violence. *International Journal of Global Health and Health Disparities*, 3(1), 85-91.
- Manuela Columbini, Siti Hawa Ali, Charlotte Watts & Susannah H. Mayhew. (2011). One Stop Crisis Centres: A Policy Analysis of the Malaysian Response to Intimate Partner Violence. *Health Research Policy and Systems*, 9: 25, 3-4.

- Mohd Nasaruddin Parzi. (Mac 10, 2022). Kes keganasan rumah tangga naik 42 peratus tahun lalu. *Berita Harian*, <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2022/03/932235/kes-keganasan-rumah-tangga-naik-42-peratus-tahun-lalu>
- M. Abdul Ghani, N.A. Ahmad, A. Mohamad. (2016). Profiles of Domestic Violence Victims and Perpetrators: A Qualitative Research Perspective. *Journal of Advanced Research in Social and Behavioural Sciences*, Vol. 4, No. 1, p. 43-50.
- Natasha Dandavati. (2017). Perspectives on Domestic Violence. Women's Aid Organisation (WAO).
- Nazli Mahdzir et. al. "Domestic violence court: A new model to combat domestic violence against women in Malaysia," *UUM Journal of Legal Studies*, (2016):7, 92-102.
- Nur Syakiran Akmal Ismail. 92015). Gender Mainstreaming in Malaysia. In *Women in Economic and Social Transformation era: Issues and Challenges*. UUM Press, p. 38-57.
- Priscilla Shasha Devi, CJ Jacobs et al. (2017). Discrimination against Women in Workforce: The Need to Move Forward. *Malayan Law Journal*, vol. 3, no. xlvii: 6, Lexis Nexis.
- Simone Galimberti. (2021). More women's involvement will secure future economic prosperity. *New Straits Times*.
- The World Bank. (2020). Toward Better Economic Opportunities for Women: Lessons from Malaysia. Retrieved from <https://www.worldbank.org/en/results/2020/04/21/toward-better-economic-opportunities-for-women-lessons-from-malaysia>.
- UN Women. (2020). COVID-19: Only one in eight countries worldwide have measures in place to protect women against social and economic impacts, new data shows. Retrieved from <https://www.unwomen.org/en/news/stories/2020/9/press-release-launch-of-covid-19-global-gender-response-tracker>.
- United Nations - Malaysia, Singapore and Brunei Darussalam. (2021). The Women's Empowerment Principles (WEPs) Activator Malaysia launch event. Retrieved from <https://malaysia.un.org/en/107990-womens-empowerment-principles-weps-activator-malaysia-launch-event>.
- Women's Aid Organisation (WAO). (2020). Submission on COVID-19 and the Increase of Domestic Violence Against Women in Malaysia to the UN Special Rapporteur on Violence against women, its causes and consequences, <https://www.ohchr.org/sites/default/files/2022-01/malaysia-womens-aid.pdf>.
- World Bank Group. (2019). Breaking Barriers Toward Better Economic Opportunities for Women in Malaysia.
- Zaiton Othman and Nooraini Othman. (2015). A Literatural Review on Work Discrimination among Women Employees. *Asian Social Science*, 11, No. 4.